



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN , 22 JANUARI 2018

- 1. BEBAS SEBELUM TAHUN BAHARU – SH, 8**
- 2. ENAM NELAYAN MALAYSIA DITAHAN DI INDONESIA DIBEBAS BULAN DEPAN – UM, 3**
- 3. ENAM NELAYAN TEMPATAN DITAHAN DI INDONESIA DIBEBASKAN FEBRUARI INI – ASTRO AWANI ONLINE**
- 4. MALAYSIAN FISHERMEN IN INDONESIA TO BE RELEASED BY FEBRUARY – BERNAMA, ONLINE**
- 5. JANGAN SELUDUP BLACK MADRAS – UM, 8**
- 6. JAGUNG BIJIAN SUMBER KEKAYAAN BAHARU NEGARA – KOSMO , 27**
- 7. USE NEW TECHNOLOGY CAMERON FARMERS URGED – NSTP, 4**

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Bebas sebelum Tahun Baharu Cina

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN - Enam nelayan kita dalam tahanan di Indonesia kerana menceroboh perairan negara itu dijangka dibebaskan sebelum Tahun Baharu Cina.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, persetujuan bagi membebaskan enam nelayan berkenaan dicapai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Joko Widodo semasa Rundingan Tahunan ke-12 Malaysia dan Indonesia pada November lepas.

- INFO
● Persetujuan Malaysia-Indonesia
- Prosedur pembebasan bukan mudah trafik

Menurutnya, beliau juga sudah bertemu Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Susi Pudjiastuti pada 11 Januari lalu dan pihak Indonesia memberi jaminan nelayan Malaysia yang ditahan akan dibebaskan.

Enam nelayan tersebut ialah Chia Kee Chan, 52 (Sekinchan, Selangor), Kamarulzaman Awi, 47 (Dungun, Terengganu), Abdul Rashid Nik, 53 (Kuantan, Pahang), Mahabob Hasimat, 55 (Pontian, Johor), Low Siong Huat (Pulau Ketam, Selangor) dan Leong Bian Seng, 61 (Dungun, Terengganu).

Ahmad Shabery berkata, lokasi tahanan ke enam-enam nelayan tersebut juga sudah dikenal pasti iaitu di Penjara Medan, Pengkalan Penguatkuasa Laut Indonesia di Laila Terempa Riau,



Ahmad Shabery (tengah) bertanya khabar anak sulung Mahabob, Nasarudin (kanan) sewaktu melawat keluarga berkenaan di Kampung Pulau Sebatang, semalam.

Penjara Tanjung Pinang dan Penjara Batam Indonesia.

“Kedua-dua pemimpin memberi jaminan nelayan akan dibebaskan dalam masa terdekat dijangka pada akhir

bulan ini atau selewatnya bulan depan.

“Tetapi biarlah mereka pulang sebelum Tahun Baharu Cina supaya dapat berkumpul dengan keluarga meraikan

perayaan itu,” katanya selepas mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga nelayan, Mahabob Hasimat, 54, di Kampung Pulau Sebatang,

semalam.


Bagaimanapun, katanya, urusan pembebasan nelayan berkenaan bukan perkara mudah kerana ia perlu dilakukan mengikut prosedur undang-undang.

“Semuanya perlu mengikut prosedur ditetapkan terutama dari segi perundangan. Negara kita ada undang-undang begitu juga dengan Indonesia.

“Segala kos perbelanjaan bagi proses pembebasan, dokumentasi perjalanan ke enam-enam nelayan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),” katanya.

Sebelum ini, Mahabob ditahan di Penjara Tanjung Pinang Indonesia selepas bot pukut tundanya ditangkap pihak berkuasa negara terbabit di Beting 4 Perairan Malaysia-Indonesia pada 11 Julai lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3



AHMAD SHABERY CHEEK

Enam nelayan Malaysia ditahan di Indonesia dibebaskan bulan depan

PONTIAN 21 Jan. - Enam nelayan Malaysia yang ditahan kerajaan Indonesia kerana menceroboh perairan negara itu Julai lalu dijangka dibebaskan bulan hadapan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek tidak menolak kemungkinan mereka akan dibebaskan lebih awal iaitu dalam bulan ini, namun tertakluk kepada proses perundangan negara tersebut.

"Keenam-enamnya masih ditahan di beberapa lokasi seperti

Penjara Medan, Pengkalan Penguat Kuasa Laut (PSKD) Indonesia; Lana Terempa, Riau, Tanjung Pinang dan Pulau Ketam, Bentan dan Penjara Batam.

"Mereka ialah Chia Kee Chin, 52, dari Sekinchan, Selangor; Kamaruzaman Awi, 47, (Dungun, Terengganu); Abdul Rashid Nik, 53, (Kuantan, Pahang); Mahabob Hasimat, 55, dan Leong Biang Seng, 61, (Pontian, Johor)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat keluarga Mahabob di Kampung

Pulai Sebatang dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Sebatang, Datuk Tee Siew Kiong merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri.

Pada 6 Januari lalu, Ahmad Shabery memberitahu, enam nelayan tempatan yang ditahan di Indonesia kerana menceroboh perairan republik itu bakal dibebaskan dalam tempoh terdekat.

Menurut beliau, persetujuan membebaskan nelayan kedua-

dua negara adalah hasil kesepakatan yang dicapai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Joko Widodo semasa Rundingan Tahunan Ke-12 Malaysia-Indonesia pada November lalu.

Ahmad Shabery berkata, pihaknya sedang berusaha agar mereka dapat dibebaskan terutama bagi nelayan Tionghua agar mereka dapat menyambut Tahun Baharu Cina bulan depan.

Katanya, semua kos perbelanjaan menguruskan pembebasan mereka termasuk dokumentasi

dan perjalanan balik akan ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Kedutaan Malaysia akan terus memantau dengan rapi proses pembebasan tersebut bagi memastikan nelayan kita pulang ke pangkuan keluarga dengan selamat," ujarnya.

Katanya, Indonesia juga sedang melakukan proses pembebasan nelayan mereka yang masih ditahan di negara ini sebagaimana perbincangan dua hala antara Malaysia dengan Indonesia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	ASTRO AWANI		ONLINE

Enam nelayan tempatan ditahan di Indonesia dibebaskan Februari ini



AHMAD SHABERY (tiga dari kiri) bertemu dengan keluarga salah seorang nelayan yang ditahan pasukan keselamatan Indonesia. - Gambar Bernama

PONTIAN: Enam nelayan tempatan yang ditahan di Indonesia kerana menceroboh perairan negara itu, dijangka dibebaskan selewat-lewatnya pertengahan Februari depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata proses membebaskan mereka mengambil masa sedikit kerana terpaksa melalui proses perundangan.

"Kedua-dua negara setuju untuk membebaskan (nelayan itu) tetapi dalam proses itu, terdapat prosedur tertentu yang perlu dipatuhi.

"Pihak Indonesia telah memberi jaminan kesemua mereka akan dibebaskan dalam tempoh dinyatakan iaitu pada bulan ini atau pada pertengahan Februari," katanya selepas melawat keluarga seorang daripada nelayan yang ditahan di Kampung Pulau Sebatang di sini, pada Ahad. Ahmad Shabery berkata semua kos perbelanjaan termasuk untuk urusan dokumentasi ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Kerajaan, katanya, akan terus memantau rapi proses pembebasan tersebut bagi memastikan nelayan itu pulang ke pangkuan keluarga mereka dengan selamat.

Sementara itu, isteri seorang nelayan terlibat, Besah Abu Bakar, 57 tahun, berkata dia gembira mendengar khabar suaminya Mahabob Hasimat, 55 tahun, dapat dibebaskan tidak lama lagi.

Ini kerana, menurut Besah, suaminya yang kini ditahan di penjara Tanjung Pinang, Indonesia sepatutnya telah dibebaskan pada 11 Januari lalu.

"Harapan makcik biar suami dapat keluar secepat mungkin, anak-anak pun minta macam itu juga, harap dapat kumpul macam dulu. Kalau bebas, makcik ingat hendak buat kenduri sikit.

"Ada juga berhubung dengan pakcik (suami), dia beritahu tiada apa-apa yang perlu dibimbangkan, layanan yang diterima baik," katanya.

Persetujuan untuk membebaskan kesemua nelayan itu, sebelum ini, dicapai hasil pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dengan Presiden Indonesia, Joko Widodo pada Majlis Perundingan Tahunan Malaysia-Indonesia ke-12 di Kuching, Sarawak pada November lepas.

Selain Mahabob, lima lagi nelayan ialah Low Siong Huat, 59, yang kini ditahan di penjara Tanjung Pinang; Chua Kee Chan, 63, (ditahan di penjara Labuhan Deli, Medan); Leong Bian Seng, 61, (ditahan di Batam); Abdul Rashid Nik, 53, (ditahan di Lanal Tarempa) dan Kamaruzaman Awi, 47, (ditahan di Lanal Tarempa). -- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	BERNAMA		ONLINE

Malaysian fishermen detained in Indonesia to be released by February



PONTIAN: Six Malaysian fishermen who were detained in Indonesia for encroaching into the republic's territorial waters are expected to be freed by middle of next month.

Malaysian Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek said their release would take some time due to the legal processes involved.

"The Indonesia authorities have given assurance that the fishermen will be released either this month or mid-February," he said when visiting a family of one of the fishermen at Kampung Pulau Sebatang here today.

Ahmad Shabery said all expenses incurred to bring back the fishermen would be covered by the Malaysian Fisheries Development Board (LKIM) and that the government would continue to monitor the process to ensure the fishermen's safe return to their families.

Meanwhile, Besah Abu Bakar, 57, the wife of one of the six fishermen, Mahabob Hasimat, 55, said she was relieved to hear that her husband would finally be released.

She said her husband, who was being detained at the Tanjung Pinang prison in Indonesia, was supposed to be released last Jan 11.

The agreement to release the fishermen was reached following a meeting between Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and Indonesian President Joko Widodo at the 12th Malaysia-Indonesia Annual Leaders' Consultation in Kuching, Sarawak, in November last year.

The six fishermen detained are Low Siong Huat, 59, who is now detained at Tanjung Pinang Prison; Chua Kee Chan, 63, (Labuhan Deli Prison, Medan); Mahabob Hasimat, 55 (Tanjung Pinang Prison); Leong Bian Seng, 61 (Batam); Abdul Rashid Nik, 53 (Lanal Tarempa) and Kamaruzaman Awi, 47 (Lanal Tarempa). - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Benih dibawa masuk secara haram ancam tanaman padi tempatan

Jangan seludup Black Madras

Oleh **ROKIAH ABDULLAH**
rokiah.abdullah@utusan.com.my

■ PASIR SALAK 21 JAN.

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani tidak akan membenarkan mana-mana pihak menyeludup dan menanam benih padi Black Madras di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, ini kerana kemasukan benih padi asing secara haram tanpa melalui pemeriksaan dan kuarantin itu dikhuatiri membawa masuk bersama penyakit berjangkit yang mampu memusnahkan padi tempatan.

Bagaimanapun kata beliau, sehingga kini pihaknya tidak mengesan sebarang kes baharu melibatkan penanaman padi terlarang tersebut di negara ini selepas penanamannya di Tambung Tulang, Arau, Perlis dibongkar *Utusan Malaysia* beberapa hari lalu.

"Jika ada lagi yang buat (seludup dan tanam), kita tak akan benarkan ia berlaku kerana banyak masalah yang akan timbul.

"Benih padi itu (Black Madras) tidak diuji, kita takut benih itu akan membawa penyakit dan jeaskan sawah padi sedia ada.

"Perkara ini berbahaya dan Kementerian sama sekali tidak akan membenarkan ia berlaku sekali lagi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas program turun padang bertemu pengundi di kawasan Pusat Daerah Mengundi



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN bertanya khabar kepada Ibrahim Husin yang terlanter akibat sakit semasa melawat rumah penduduk dalam program turun padang di Chenderong Balai, Pasir Salak, Perak, semalam. - **UTUSAN/SYEFRIY MONIZ**

(PDM) Chenderong Balai di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pasir Salak, Datuk Ibrahim Katop.

Jabatan Pertanian Perlis baru-baru ini membongkar kegiatan penanaman padi Black Madras, sejenis padi asing berwarna hitam dikatakan berasal dari Korea yang ditanam secara haram di Tambun Tulang.

Tanaman yang benihnya dipercayai dibawa masuk secara haram melalui kapal terbang itu dikesan agensi tersebut setelah pemilik-

nya mula mengiklankan penjualan benih di Facebook beberapa hari lalu.

Tajuddin berkata, selain tidak diberikan subsidi dan insentif, pihak yang didapati menyeludup dan menanam benih padi Black Madras juga bakal berdepan tindakan tegas.

Sementara itu dalam perkembangan berasingan, Tajuddin memberitahu, bekalan sayur-sayuran untuk keperluan pengguna dijamin mencukupi meskipun ada pembekal dan peniaga yang

dikesan bertindak menaikkan harga berikutan cuaca hujan.

Tambah beliau, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak berkenaan yang dilihat telah mengambil kesempatan terhadap cuaca hujan berpanjangan yang berlaku baru-baru ini.

"Saya sudah minta pihak penguat kuasa supaya memantau peniaga-peniaga ini supaya tidak sorokkan barang, dengan itu bekalan tak cukup dan harga melambung, nanti orang marah kepada kerajaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	KOSMO	MENYELAMI HIDUP ANDA	27



PROJEK Rintis Industri Jagung Bijian telah dilaksanakan bermula tahun 2017 dan akan diperluas pada masa akan datang.

Jagung bijian sumber kekayaan baharu negara

JAGUNG bijian atau nama saintifiknya *Zea mays L.* tergolong dalam keluarga *Araceae*.

Terdapat pelbagai kegunaan Jagung bijian termasuk diproses untuk dijadikan tepung, sirap, minyak dan bahan api selain daripada makanan haiwan ternakan.

Malaysia mengimport bahan makanan ternakan pada tahun 2016 sebanyak RM6.67 bilion dan jagung bijian menyumbang kepada nilai import sebanyak RM8.09 bilion.

Jagung bijian ini diimport dari negara pengeksport utama seperti Argentina iaitu sebanyak RML.63 bilion, Brazil (RML.17 bilion) dan Amerika Syarikat (RM0.06 bilion).

Sebanyak 60 peratus daripada formula produk makanan haiwan ternakan terdiri daripada jagung bijian.

Antara bahan makanan ternakan yang diimport terdiri daripada jagung bijian, soya, makanan ikan, gandum *pollard* dan *bran*.

Pembangunan

Jagung bijian telah kategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara ketika pembentangan bajet 2018 setelah menyedari adanya permintaan yang tinggi terhadap makanan haiwan ternakan khususnya jagung bijian.

Justeru, Projek Pembangunan Industri



PROJEK penanaman jagung bijian perlu dilaksanakan menggunakan kaedah mekanisasi sepenuhnya.

Jagung Bijian diwujudkan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import.

Projek Rintis Industri Jagung Bijian telah dilaksanakan bermula tahun 2017 dan akan diperluas pada masa akan datang bagi mencapai sasaran pengeluaran jagung bijian sebanyak 67,664 tan metrik pada tahun 2020.

Bagi tahun 2018, sasaran pengeluaran jagung bijian adalah sebanyak 13,000 tan metrik dengan keluasan sebanyak 2,148 hektar dan melibatkan seramai 436 petani.

Industri ini dilihat berdaya maju untuk dibangunkan secara komersial menyebabkan kerajaan komited untuk menyediakan peruntukan yang konsisten kepada industri jagung bijian dalam tempoh pembangunan tersebut.

Bagi mencapai sasaran itu, Jabatan Pertanian

telah menyediakan pelan pelaksanaan yang merangkumi pembangunan petani individu dan kelompok serta syarikat swasta.

Program pembangunan yang dilaksanakan termasuklah pembangunan kawasan, penyediaan infrastruktur dan input-input pertanian seperti baja, racun rumpai, racun serangga, kapur serta benih.

Penyediaan mekanisasi dan kemudahan pengeringan turut dititikberatkan bagi memastikan hasil jagung dapat dikeringkan dengan sempurna dan mencapai kualiti yang telah ditetapkan.

Kejayaan

Selain itu, pihak kerajaan turut melibatkan agensi lain seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam pembangunan serta penyelidikan bagi menyokong program pembangunan

Industri jagung bijian.

Kejayaan program pembangunan industri jagung bijian ini bergantung kepada tiga elemen utama iaitu lokasi, usahawan atau penanam dan pembeli (pemasaran).

Justeru, dengan adanya ketiga-tiga model pelaksanaan itu diharapkan usahawan akan dapat meningkatkan lagi daya maju pengeluaran jagung bijian dan mendapat pulangan yang baik serta hasil yang berkualiti tinggi.

Projek penanaman jagung bijian perlu dilaksanakan menggunakan kaedah mekanisasi sepenuhnya

Selain itu, pemilihan varieti yang berhasil tinggi juga diperlukan bagi memastikan pulangan yang tinggi diperolehi oleh usahawan.

Pihak Jabatan Pertanian amat memerlukan kerjasama kerajaan negeri dalam mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk penanaman jagung bijian.

Dalam pada itu, Jabatan Pertanian juga akan meneruskan sesi temu suka dengan pengilang dan pengeluar makanan ternakan di Malaysia bagi mendapatkan jaminan pasaran serta memastikan industri jagung bijian terus berkembang di negara ini.

■ Bagi mendapatkan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pertanian Malaysia di talian 03-8870 3042/3050 dan faksimie 03-8888 9069 atau melayari portal Jabatan Pertanian Malaysia di www.doa.gov.my



HASIL tuai jagung bijian diproses untuk dijadikan produk makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2018	NSTP	ISU	4

LABOUR SHORTAGE

Use new technology, Camerons farmers urged

KUALA LUMPUR: Farmers in Cameron Highlands have been urged to use modern agricultural technology to maximise production and reduce costs and labour.

Regional Environmental Awareness Cameron Highlands (REACH) president Ramakrishnan Ramasamy said many farmers were experiencing the results of uncontrolled farming, and they were in trouble due to the clash between morality, ecological reality and the state of the economy.

"Intensive farming has been happening in Cameron Highlands for decades, with no oversight.

"Despite damaging land and polluting rivers, the greed for profit has ensured that farmers continue to produce agricultural

goods as cheaply as possible. "It may seem hard, even costly, but there is no alternative to sustainable agriculture," he told the *New Straits Times*.

He said modern farming not only required less labour, but would reduce dependence on water for key crops and use fewer pesticides.

He said Cameron Highlands was densely populated, with a population of 35,000, which was the maximum limit.

Most farms were built on hillslopes, punctuated by nine towns and villages that stretch for 37km along a major trunk road from Ringlet to Kampung Raja.

Big greenhouses stretch across the countryside, usually white for the best reflection. They glint when the sun shines, and em-



A worker tending a farm in Cameron Highlands.

anate an orange and purple glow from light bulbs at night.

On Sunday, it was reported that acute labour shortage was threatening Cameron Highlands' agricultural sector, which could lead to severe losses for farmers and rising vegetable prices.

With salaries as low as RM1,000, 12-hour work days doing back-breaking manual labour and largely unregulated working conditions, Malaysians are not rushing to take these jobs.

Cameron Highlands Flower Growers Association vice-president Wong Seng Yee said a group of farmers had started to adopt newer technology to ensure sustainable farming.

They developed an application, "Tanahmu", as a gateway to agricultural technology.

Tanahmu is a platform that allows six categories of industry players — farmers, raw material suppliers, product producers, wholesalers, retailers and consumers — to trade under a new agro-ecosystem.

Wong said: "All categories of players can obtain information on farming practices, weather conditions, location of raw material and product supply, market access and prices.

"This platform facilitates business matching between the industry players.

"Based on the fair review system at Tanahmu's new agro-

ecosystem, reliable products can be sold and bought fairly and reasonably."

In promoting greater efficiency through new agricultural practices, the app is an example of technology that helps users increase productivity and save cost.

However, Wong said, Cameron Highlands farmers were not as science-driven as they were market-driven to meet the challenge that lay ahead.

He said collaboration between the government and farmers would drive farming innovation.

"If massive increases in agricultural yield are not achieved, we can expect not only food shortages and rising prices, but a risk to food security.

"The risk must not be taken lightly because our agriculture is straining to meet a rapidly growing demand from a finite resource base."

	SUBUH	SURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISTAK
Metaka	6:02	7:23	1:25	4:47	7:24	8:37
Penang	6:14	7:33	1:32	4:54	7:27	8:40
K.Lumpur	6:06	7:25	1:28	4:50	7:26	8:39
JohorBaru	5:55	7:15	1:19	4:41	7:19	8:32
Kuantan	6:00	7:19	1:22	4:44	7:20	8:33
Ipoh	6:11	7:28	1:30	4:53	7:26	8:39



Ramakrishnan Ramasamy